



**PEKELILING KOLEJ TUN SYED NASIR BIL. 1 SESI 2013/2014**

Semua pelajar  
Kolej Tun Syed Nasir  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/l,

- I.      **PERATURAN KELUAR KOLEJ SEMESTER 1 SESI 2013/2014**
- II.     **PERATURAN PENYIMPANAN BARANG**
- III.    **PENGINAPAN CUTI SEMESTER (SEM 5) SESI 2013/2014**
- IV.    **PENGESAHAN/PERMOHONAN PENGINAPAN SEMESTER 2 SESI 2013/2014**
- V.     **PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI 2013/2014**

**1. MENGOSONGKAN BILIK-BILIK KEDIAMAN**

1.1 Tarikh akhir keluar kolej bagi semester 1 sesi 2013/2014 mengikut fakulti ialah pada:

Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan	:	17 Januari 2014
Fakulti Pergigian	Tahun 1 & 2	: 9 Februari 2014
	Tahun 3	: 16 Februari 2014
	Tahun 4 & 5	: 14 Februari 2014
Fakulti Perubatan	Tahun 1	: 14 Februari 2014
	Tahun 2	: 7 Februari 2014

1.2 Barang-barang di dalam bilik hendaklah dikeluarkan dan kunci bilik perlu diserahkan selepas menandatangani buku daftar keluar kolej. Kehilangan kunci akan didenda.

1.3 Pastikan bilik ditinggalkan dalam keadaan bersih dan sempurna. Denda akan dikenakan jika didapati ada barang di dalam bilik, bilik ditinggalkan dalam keadaan kotor dan lampu atau kipas terpasang.

1.4 Pastikan pintu telah dikunci, suis kipas dan lampu ditutup serta perabut sentiasa dalam keadaan baik.

1.5 Jika didapati ada kehilangan perabut/perkakas di dalam bilik, pelajar akan dikenakan bayaran ganti rugi.

..2/-

## 2. PERATURAN PENYIMPANAN BARANG

- 2.1 Pihak kolej menyediakan stor penyimpanan barang di blok pelajar. Semua barang-barang hendaklah diisi di dalam kotak dan dilabel nama dan no, matrik pelajar.
- 2.2 Pelajar **DILARANG** menyimpan barang di dalam almari pelajar, bilik kuasa elektrik, bilik basuh, bilik-bilik aktiviti pelajar, surau dan lain-lain bilik yang tidak dibenarkan oleh pihak kolej.
- 2.3 Dokumen penting seperti sijil, kad pengenalan, kad matrik, nota, barang kemas dan lain-lain barang berharga **TIDAK DIBENARKAN** disimpan di dalam stor.
- 2.4 Pihak kolej tidak bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan/kerosakan barang yang disimpan di dalam stor di blok pelajar.
- 2.5 Barang-barang boleh disimpan mulai 10 Januari 2014 dan stor ditutup pada 18 Januari 2014. Stor akan dikunci sepanjang cuti semester, sebarang permintaan untuk membuka stor tidak akan dilayan.
- 2.6 Stor akan dibuka semula pada hari pendaftaran masuk semester 2 sesi 2013/2014.
- 2.7 Barang-barang hendaklah diambil kesemuanya dalam masa 1 minggu selepas pendaftaran kolej. Ini bertujuan untuk membersihkan stor. Barang yang tidak diambil dianggap tidak berguna dan akan dibuang.

## 3. PENGINAPAN CUTI SEMESTER (SEM 5) SESI 2013/2014

- 3.1 Pelajar-pelajar yang ingin menginap di kolej semasa cuti semester hendaklah membuat permohonan melalui web <http://www.ukm.my/upp>
- 3.2 Tempoh permohonan sem 5 mulai 20 Disember 2013 hingga 2 Januari 2014.
- 3.3 Pendaftaran masuk sem 5 bagi **SEMUA FAKULTI** pada **18 Januari 2014 (Sabtu) jam 9.00 pagi – 4.00 petang**. Pelajar diwajibkan turun mendaftar di pejabat dan menandatangani buku rekod pendaftaran sem 5.
- 3.4 Pelajar yang **TIDAK** membuat permohonan tinggal masa cuti, bilik perlu dikosongkan untuk penginapan semasa cuti dari organisasi/program universiti/pihak luar.
- 3.5 Tempoh penginapan tinggal sem 5 mengikut fakulti pada:

Fakulti Farmasi **dan** Fakulti Sains Kesihatan : 18 Januari 2014 hingga 16 Februari 2014  
Fakulti Pergigian      Tahun 1,2 & 3      : **tiada sem 5**  
   Tahun 4 & 5      : 15 - 23 Februari 2014

Fakulti Perubatan      Tahun 1      : 15 - 16 Februari 2014  
   Tahun 2      : 8 - 9 Februari 2014

3.6 Pelajar perlu mendaftar keluar di dalam buku rekod penginapan sem 5 apabila tempoh penginapan sem 5 berakhir.

#### 4. PENGESAHAN/PERMOHONAN PENGINAPAN SEMESTER 2 SESI 2013/2014

4.1 Semua pelajar Kolej Tun Syed Nasir yang menetap semasa sem 1 sesi 2013/2014 dikehendaki membuat pengesahan untuk tinggal di kolej pada Sem 2 sesi 2013/2014 melalui web <http://www.ukm.my/upp> mulai **9 - 17 Disember 2013**.

4.2 Selepas tempoh pengesahan online ini jika pelajar masih ingin membuat pengesahan secara manual denda akan dikenakan sebanyak RM25 kerana lewat membuat pengesahan.

4.3 Pelajar-pelajar luar kolej boleh membuat permohonan untuk menginap di Kolej Tun Syed Nasir bagi semester 2 sesi 2013/2014 dengan mendapatkan borang permohonan melalui laman web JPPel mulai 9 hingga 17 Disember 2013 dan dihantar ke Pejabat Pentadbiran Kolej Tun Syed Nasir.

#### 5. PENDAFTARAN SEMESTER 2 SESI 2013/2014

5.1 Pendaftaran masuk kolej bagi semester 2 sesi 2013/2014 mengikut fakulti pada:

Fakulti Farmasi **dan** Fakulti Sains Kesihatan : 17 Februari 2014

Fakulti Pergigian      Tahun 1 & 2      : 10 Februari 2014  
   Tahun 3      : 17 Februari 2014  
   Tahun 4 & 5      : 24 Februari 2014

Fakulti Perubatan      Tahun 1      : 17 Februari 2014  
   Tahun 2      : 10 Februari 2014

5.2 Tempoh pendaftaran masuk kolej semester 2 sesi 2013/2014 ialah **3 hari** dari tarikh daftar masuk. Selepas 3 hari denda akan dikenakan sebanyak RM25 kerana lewat mendaftar tertakluk kepada kekosongan tempat.

..4/-

5.3 Bagi permohonan baru yang berjaya sila bawa bersama 1 keping gambar dan wang tunai RM50 (Yuran Aktiviti Pelajar) semasa hari pendaftaran masuk kolej.

Sekian, terima kasih.

***" MENGILHAM HARAPAN, MENCIPTA MASA DEPAN "***

Yang benar,



**PROF. MADYA DR. RUZITA ABD TALIB**  
PENGETUA

- S.K - Timbalan Pengetua I & II
- Pengurus Asrama
- Ketua Felo
- Ketua MEP